



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
SESI INTERAKTIF KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
BERSAMA MEDIA SK BUKIT MUTIARA, JOHOR BAHRU
TARIKH: 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)
MASA: 8.30 PAGI

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad
Pengarah Pendidikan Negeri Johor

Yang Berusaha Hajah Azuri Azizah Haji Saedon
Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

Yang Berusaha Dr Mohd Famey bin Yusoff
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor

Yang Berusaha
Puan Noor Huda binti Hamid
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara

Tuan/Puan hadirin yang dihormati serta semua rakan media
yang turut hadir pada hari ini



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa, kerana dengan izin Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini, Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang hadir serta rakan media yang saya hormati dan hargai kerana bersama-sama kita di program Jabatan yang dianjurkan dengan kerjasama SK Bukit Mutiara, Johor Bahru.
2. Penganjuran program bersama media ini sememangnya diatur secara berkala kerana saya mahu setiap maklumat dan mesej yang jelas dapat dikongsikan kepada umum melalui penganjuran platform sebegini. Sebagaimana semua sedia maklum pada program terdahulu kita telah berkongsi berhubung EIA dan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang telah disambut pada 21 Oktober yang lalu, saya berpandangan terdapat keperluan untuk kita memaklumkan impak dan keberkesanan program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) yang telah memasuki kitar kesembilan penganjurannya pada tahun ini.
3. Dalam hal ini untuk kita menyampaikan maklumat sebegini, saya melihat disinilah kepentingan jalinan kerjasama bersama semua media dalam penyebaran maklumat seperti ini. Kita semua sedia maklum dalam menongkah arus kemodenan kita



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

disajikan dengan pelbagai maklumat. Oleh yang demikian saya sentiasa menekankan dan memaklumkan kepada seluruh warga kerja JAS untuk berkongsi setiap maklumat dengan tepat dalam memaklumkan fungsi dan peranan Jabatan.

4. Namun begitu dalam isu alam sekitar ianya satu isu yang besar dan menuntut untuk kita melangkah bersama kerana bersesuaian dengan tagline Jabatan iaitu “***Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama***”. saya melihat untuk mendidik dan menjadikan tagline ini sebagai satu komitmen semua pihak ianya memerlukan sokongan dan dokongan daripada semua. Sebagaimana pepatah mengatakan “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”.

Hadirin yang dihormati,

5. Anugerah SLAAS (Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar) ini yang telah menjangkau usia matang iaitu 19 tahun penganjurannya nyata telah memberi impak yang besar dalam menggalakkan sekolah-sekolah untuk aktif melaksanakan program dan inisiatif berorientasikan kelestarian alam sekitar. Ianya bertujuan memupuk amalan mesra alam dalam kalangan pelajar, guru, dan komuniti



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

sekolah, sekali gus meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga ekosistem untuk kesejahteraan generasi akan datang.

6. SLASS ini dibangunkan dengan penelitian menyeluruh yang membawa kepada pembangunan modul Kelab Alam Sekitar Sekolah yang digunakan oleh semua sekolah di seluruh Malaysia bermula pada 2021. Melalui fasa-fasa ini saya amat yakin ianya tidak akan berlaku sekiranya kita tidak mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Disini saya ingin berkongsi sempena satu dekad program ini pada tahun hadapan penambahbaikan penyertaan dan penilaian akan menggunakan sistem MySLAAS yang telah siap dibangunkan pada tahun ini. Sistem ini boleh diakses melalui laman sesawang www.slaas.doe.gov.my.

Kejayaan sesuatu program perlu dinilai secara menyeluruh, dan hari ini kita dapat menyaksikan bagaimana SK Bukit Mutiara telah berjaya membudayakan alam sekitar melalui pelbagai program yang dilaksanakan di sekolah ini. Berdasarkan penilaian, sekolah ini bukan sahaja memenuhi lima komponen utama iaitu Pengurusan, Kurikulum, Kokurikulum, Penghijauan, dan Elemen Khas, tetapi juga



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

melangkah lebih jauh dengan mengembangkan inisiatif untuk membina minat dan meningkatkan pengetahuan pelajar. Dengan sumber yang terhad, sekolah ini telah berjaya menggunakan pendekatan yang kreatif dan interaktif. Inisiatif sebegini perlu dikongsikan kepada umum kerana melalui pembudayaan ini, prestasi pembelajaran telah meningkat. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2023, kadar kehadiran pelajar telah meningkat kepada 90%. Pencapaian keseluruhan aktiviti seperti yang dapat dilihat pada papan kenyataan di sebelah kiri saya juga menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara, dengan peningkatan hampir enam peratus dalam Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan, dan Kokurikulum (PAJSK) dalam tempoh tiga tahun. Hal ini membuktikan keberkesanan program yang dilaksanakan di sekolah ini

7. Justeru itu, mesej sebegini amat perlu dikongsikan kerana kejayaan ini menuntut sokongan dan komitmen semua pihak. Dalam hal ini, saya melihat peranan tuan/puan di hadapan saya amatlah penting dalam membantu merealisasikan hasrat untuk memperkasakan masyarakat terhadap kepekaan dalam memelihara alam sekitar. Kita haruslah mengatur strategi untuk membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar ini bersama-sama dalam



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

menjayakan usaha murni memelihara bumi yang akan kita warisi kepada generasi akan datang. Sokongan berterusan daripada tuan puan amat diperlukan sebagai satu keluarga besar dalam mendokong amanah melalui cara dan tanggungjawab masing-masing, namun ianya merupakan usaha kearah mencapai matlamat yang satu. Jabatan akan sentiasa membantu tuan puan dalam menyalurkan maklumat yang tepat dari semasa ke semasa. Perkara ini amat saya titik beratkan kerana Jabatan haruslah terkehadapan dalam dunia tanpa sempadan ini bagi memastikan masyarakat diluar sana tidak menerima maklumat yang salah dari sumber yang tidak tepat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam hal ini, saya percaya perkongsian maklumat akan menjadi lebih mudah jika kerjasama erat antara kita dapat dikekalkan, terutama melalui peranan media dalam menyampaikan maklumat kepada hampir 34 juta rakyat Malaysia. Oleh itu, saya menyeru agar komitmen tuan-tuan dan puan-puan bersama kami kekal kuat, kerana JAS memiliki pelbagai informasi penting yang perlu dikongsi kepada umum. Mendidik masyarakat bukanlah usaha sehari dua; ia memerlukan usaha berterusan, seperti peranan guru



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

dan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Setiap mesej ini perlu disampaikan secara konsisten untuk mencapai impak yang lebih mendalam.

Hadirin yang dihormati,

8. Namun begitu, usaha kami ini akan hanya berjaya sekiranya kita melangkah bersama-sama. Saya juga sentiasa memperkukuhkan jalinan kerjasama yang melibatkan pelbagai pihak seperti dengan pelbagai Agensi, Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak lagi kerana kita mempunyai peranan dan tanggungjawab mengikut bidang kepakaran masing-masing.

9. Kepentingan terhadap komitmen berterusan inilah membuatkan saya sentiasa menekankan untuk melaksanakan perkongsian sebegini bersama rakan media dalam berkongsi pemahaman dan peranan yang dimainkan oleh JAS. Mesej inilah yang perlu dibawa kepada Masyarakat diluar sana supaya mereka cakna dengan isu-isu berhubung pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Semoga usaha murni kita ini akan dapat dijayakan dalam memenuhi ekspektasi masyarakat di luar sana.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini sekali lagi ingin saya menyeru supaya kerjasama erat ini akan kekal terjalin dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat secara khususnya kerana Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.